

TUNTUT KEADILAN

» Insiden korbanan 200 penumpang,
15 anak kapal cetus kecaman antarabangsa

↳ Kuala Lumpur

Malaysia dan beberapa negara lain berusaha keras untuk menuntut keadilan berhubung tragedi pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 yang ditembak jatuh pada 17 Julai 2014.

Insiden yang mencetuskan kecaman antarabangsa itu mengorbankan kesemua 280 penumpang dan 15 anak kapal pesawat Boeing 777 berkenaan.

Pesawat komersial itu dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur berada pada ketinggian 9,144 meter sebelum ia ditembak jatuh dan terhempas di kawasan bergolak di

Ukraine berhampiran sempadan Russia.

Kerajaan Russia dan Ukraine menafikan pembabitian mereka dalam insiden itu.

Insiden berkenaan mengorbankan warga Belanda seramai 193 orang, Malaysia (43), Australia

(27), Indonesia (12), United Kingdom (10), Belgium (empat), Jerman (empat), Filipina (tiga) dan masing-masing satu dari Kanada dan New Zealand.

Pesawat itu dijadual tiba di Kuala Lumpur pada 6.10 pagi (waktu Malaysia)

Jumaat, 18 Julai.

Tragedi itu adalah insiden yang mengejutkan negara selepas empat bulan kehilangan pesawat MH370, pada 8 Mac.



Kronologi MH17

17 JULAI 2014
- 12.15 TENGAH HARI

(waktu Amsterdam)

MH17 berlepas dari Lapangan Terbang Amsterdam.

- **10.15 malam** (waktu Malaysia) MAS mengesahkan ia menerima makluman daripada Trafik Kawalan Udara (ATC) Ukraine bahawa ia terputus hubungan dengan Penerbangan MH17 pada 1415 (GMT), di kedudukan 30km dari Tamak, kira-kira 50km dari sempadan Russia-Ukraine.

- **Berita antarabangsa** melaporkan penemuan bangkai pesawat berhampiran perkampungan Grobovo, Ukraine di wilayah dikuasai pemberontak berhampiran sempadan Russia apabila imej menunjukkan bangkai pesawat, mayat dan barangan peribadi bertaburan sejauh beberapa kilometer.

18 JULAI 2014

- **Perdana Menteri**, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan siasatan segera berhubung tragedi itu.

- **Masyarakat** antarabangsa menggesa siasatan antarabangsa yang menyeluruh dan telus dibuat

serta melaksanakan gencatan senjata segera' di Ukraine.

19 JULAI 2014

- **Pasukan siasatan** khas Malaysia membabitkan 131 anggota tiba di Kiev, Ukraine.

- **Pasukan siasatan** antara-bangsa termasuk dari Malaysia tidak dibenar memasuki kawasan nahas ekoran perang saudara yang menyebabkan pertempuran sengit antara kumpulan pemisah pro-Russia dan tentera Ukraine.

- **MAS mengeluarkan** senarai penuh nama penumpang.

21 JULAI 2014

- **12 anggota pasukan** perunding Malaysia diketuai Ketua Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Letenan Kolonel Mohd Sukri Hussain memperoleh kotak hitam MH17 dan jasad mangsa selepas tiga hari berunding dengan ketua pemisah pro-Russia, Alexander Borodai di Donetsk, Ukraine.

- **Kotak hitam** itu kemudian dihantar ke Belanda dan kemudian ke Farnborough, barat daya London untuk



pemeriksaan data penerbangan.

- **Jasad mangsa** diterbangkan ke Eindhoven, Belanda untuk proses Pengecaman Mayat Mangsa Bencana (DVI) dan siasatan jenayah.

23 JULAI 2014

- **Malaysia** mengadakan sidang khas Dewan Rakyat dan mengutuk sekeras-kerasnya tindakan tidak bertamadun, tidak berperikemanusiaan dan ganas oleh pihak yang dipercayai menembak jatuh pesawat pesawat MAS MH17.

22 OGOS 2014

- **Hari Perkabungan Negara** diadakan di Malaysia yang mengadakan upacara khas bagi memberi penghormatan kepada 20 mangsa tragedi MH17 apabila jenazah mangsa dibawa pulang ke tanah air.

9 SEPTEMBER 2014

- **Laporan** siasatan awal nahas dikeluarkan pihak berkuasa Belanda.

- **la membuat** kesimpulan pesawat dan anak-anak kapal tidak menghantar isyarat kecemasan dan tidak melaporkan sebarang kegagalan teknikal pesawat.

- **Pemerhatian** terhadap kerosakan mendapati terdapat kesan objek bertenaga tinggi yang menembusi pesawat dari luar.

1 DISEMBER 2014

- **Malaysia** diterima sebagai anggota penuh Pasukan Siasatan Bersama MH17 yang tertumpu kepada siasatan jenayah susulan penembakan pesawat itu.

- **Sebahagian** daripada bangkai MH17 diangkut dengan trak dari Ukraine, penyiasat memulakan

1 OGOS 2014

- **Najib** tiba di Amsterdam. **MLS 6**
- **Malaysia dan Belanda** menggesa pertempuran dihentikan di kawasan nahas.

BH
14/10/2015